

4 universiti penyelidikan terima dana tambahan

UM, USM, UPM dan UKM dapat RM128 juta setahun: Mustapa

Oleh Syuhada Choo Abdullah
dan Wan Hazmir Bakar

EMPAT institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang diisyiharkan sebagai universiti penyelidikan akan memperoleh peruntukan mengurus tambahan RM128 juta setahun, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Di samping itu, katanya, kerajaan bersetuju setiap universiti terbabit menikmati peruntukan pembangunan tambahan RM25 juta bagi tiga tahun pertama.

Selain aspek kewangan, beliau berkata, kerajaan juga bersetuju dengan peruntukan perundangan bagi penuhanan dan pengurusan universiti penyelidikan serta kuasa melantik tenaga akademik oleh IPTA berkenaan.

Katanya, empat universiti itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Uni-

versiti Putra Malaysia (UPM).

"Pemilihan universiti ini dilakukan secara teliti dengan harapan agar tenaga akademik mereka dapat menyuburkan lagi kegiatan penyelidikan bagi menjadikan negara pusat kecemerlangan ilmu pada peringkat dunia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Negara (AAN) 2006 dan Penyampaian Watikah Pengisytiharan Universiti Penyelidikan yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Putrajaya, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba. Hadir sama Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Dr Zulkifli A Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Prof Datuk Dr Hassan Said.

Seterusnya, Mustapa berkata, kerementerian mengambil inisiatif me-

nganjurkan AAN 2006 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan ahli akademik di IPT, sekali gus menjadi satu usaha menyemai budaya penyelidikan seperti ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Katanya, penganugerahan julung kali itu yang merangkumi enam ka-

tegori utama, iaitu Anugerah Tokoh Akademik Negara, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Anugerah Seni dan Kreativiti, serta Anugerah Pengajaran, diharap akan menjadi pemangkin peningkatan usaha pengajaran, penerbitan serta penyelidikan ahli akademik di Malaysia.

Sambil menegaskan ahli akademik di IPT awam dan swasta adalah aset intelek negara yang sangat bernilai, beliau berkata, mereka digalakkan supaya giat memberi tumpuan terhadap aspek penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian selain pengajaran di dewan kuliah.

"Penyelidikan ialah antara teras utama yang menjadi kemestian dan agenda perlu dipenuhi setiap tenaga akademik di IPT. Ini bertepatan dengan peranan mereka untuk menyuburkan ilmu baru untuk kemajuan masyarakat," katanya.

FAKTA NOMBOR

Universiti Penyelidikan

4

Universiti terpilih

20

IPTA sedia ada